PROGRAM MENGESAN BADAK SUMATERA (*Dicerorhinus sumatrensis*) SEPANJANG SEPULUH TAHUN (2010-2020) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

MOHD SAMSUDIN MOHD SURI

JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN

TAMAN NEGARA (PERHILITAN)

(Artikel ini tidak pernah diterbitkan sebelum ini)

SENARAI ISI KANDUNGAN

BIL	SENARAI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	3
2.0	LATAR BELAKANG	
	2.1 SPESIES BADAK SUMATERA	4
	2.2 SEJARAH TABURAN BADAK SUMATERA DI SEMENANJUNG MALAYSIA	6
	2.3 SEJARAH KONSERVASI BADAK SUMATERA DI SEMENANJUNG MALAYSIA	13
	2.4 PROGRAM MENGESAN BADAK SUMATERA JANGKA PANJANG (2010-2020)	16
3.0	OBJEKTIF	17
4.0	METODOLOGI	
	4.1 PENYEDIAAN PLOT PERSAMPELAN	17
	4.2 PUNGUTAN DATA	18
	4.3 ORGANISASI PASUKAN	19
	4.4 ANALISIS	19
5.0	HASIL	20
	5.1 HASIL CERAPAN KAEDAH TREKKING	
	5.2 HASIL CERAPAN MENGGUNAKAN PERANGKAP KAMERA	
	5.3 PELAKSANAAN PROGRAM MENGESAN	
6.0	PERBINCANGAN	
	6.1 KETIADAAN CERAPAN BADAK SUMATERA	24
	6.2 FAKTOR KEPUPUSAN BADAK SUMATERA	28
7.0	KESIMPULAN	31
8.0	PENGHARGAAN	33
9.0	SENARAI RUJUKAN	34
10.0	SENARAI LAMPIRAN	39 -193

1.0 PENDAHULUAN

Badak Sumatera adalah spesies yang dikenali dengan nama Inggerisnya *Sumatran Rhinoceros* dan nama saintifiknya *Dicerorhinus sumatrensis* (Rookmaaker, 1984*).* Badak Sumatera tergolong dalam keluarga *Rhinocerotidae* di bawah order *Perissodactyla***.** Spesies ini adalah yang paling kecil saiznya berbanding spesies-spesies lain yang wujud di dunia. Spesies tersebut adalah Badak Putih Afrika (Cerathoterium simum), badak Putih Afrika (*Diceros bicornis*), Badak India (*Rhinoceros Uunicornis*) dan Badak Jawa (*Rhinoceros sondicus*).

Lebih kurang dua dekad yang lalu populasi Badak Sumatera dikatakan masih wujud di hutan-hutan di Malaysia dan di Indonesia manakala di negara lain di Asia Tenggara (Mynmar, Vietnam, Laos, Thailand) telah pun pupus lebih awal. Kawasan taburan Badak Sumatera di Indonesia terdapat di Sumatera dan Kalimantan manakala di Malaysia terdapat di Semenanjung dan Sabah. Selain populasi yang terdapat di habitat semula jadi, kedua-dua negara juga mempunyai populasi Badak Sumatera di dalam kurungan. Program pembiakan Badak Sumatera di dalam kurungan adalah strategi konservasi ex-situ bagi meningkatkan kelahiran individu spesies ini. Abdullah (1989) mencadangkan agar perlindungan habitat dan penguatkuasaan undang-undang diperlukan untuk melindungi populasi yang masih tinggal. Di Indonesia, program ini dijalankan di Taman Nasional Way Kambas, Sumatera manakala di Malaysia dijalankan di Semenanjung (Rezab Hidupan Liar Sungai Dusun) dan Sabah (Rezab Hidupan Liar, Tabin). Pada tahun 2002, projek pembiakan yang dijalankan di Semenanjung terpaksa dihentikan berikutan kematian kesemua yang dipelihara.

Setelah kematian Badak Sumatera dalam kurungan di Sungai Dusun, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sebagai agensi yang melaksanakan program konservasi Badak Sumatera telah menumpukan usaha mengesan spesies ini di habitat semula jadi dengan jangkaan masih terdapat yang belum dijumpai yang perlu diselamatkan untuk diuruskan di dalam kurungan. Disamping itu kepupusan spesies ini masih belum diisytiharkan. Jabatan PERHILITAN ini masih memberi ruang bagi

sebarang usaha mengesan spesies ini.

Pada tahun 2010, pasukan '*Task Force'* Badak Sumatera mengandungi 20 kakitangan jabatan diwujudkan untuk menjalankan tugas mengesan Badak Sumatera di Semenanjung Malaysia. Usaha mengesan ini telah dimasukkan dalam program pembangunan spesies terancam dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMKe10) dan kemudiannya di sambung dalam Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMKe11). Program mengesan ini di bawah pengendalian Unit Badak Sumatera di Bahagian Konservasi Hidupan Liar di bawah program pembangunan spesies terancam.

Laporan ini bertujuan menunjukkan hasil program mengesan spesies Badak Sumatera yang telah dijalankan sepanjang sepuluh tahun (2010-2020) di kawasan-kawasan sejarah taburan yang pernah direkodkan penemuannya sebelum ini di Semenanjung Malaysia. Keputusan program ini mengesahkan tiada lagi bukti kewujudan spesies Badak Sumatera di Semenanjung Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Spesies Badak Sumatera

Badak Sumatera adalah spesies yang unik dari segi ekologi, lakuan, kewujudan dan status konservasinya. Badak Sumatera adalah haiwan herbivor yang makanannya terdiri daripada pelbagai jenis daun dan buah-buahan daripada tumbuhan semula jadi dipterokarp. Ia juga dikenali sebagai haiwan *browser* kerana tabiatnya yang gemar memakan bahagian pucuk daun, ranting dan dahan kecil (Groves et al., 1972). Pengambilan makanannya mempunyai cara tersendiri dengan memulas atau melentur batang pokok sebelum memakan pucuknya. Badak Sumatera sering hidup bersendirian (solitary) kecuali ketika musim mengawan di mana spesies jantan dan betina akan bersama. Anak dan ibu bersama sehingga masa untuk cerai susu (dua

tahun). Individu dewasa kebiasaannya mempunyai wilayah keliaran (home range) yang menjangkau hingga 30 km persegi. Di dalam habitat yang tidak terganggu, laluan (track) badak akan terdapat najis atau geselan pada batang pokok sebagai tanda kewilayahannya. Badak sering bergerak secara aktif pada lewat petang dan seawal pagi untuk mencari makanan. Pada waktu siang kebanyakan masa dihabiskan dengan berkubang lumpur sebagai satu cara menurunkan suhu badannya dan perlindungan daripada serangga parasit luar (Van Strien, 2005). Badak Sumatera berbadan tegap dengan berat badan dewasa sekitar 600-700 kg (Van Strien, 1974). Ia mempunyai dua sumbu di kepala dan berkulit tebal untuk melindungi tubuhnya. Setiap spesies ini mempunyai tiga kuku dengan saiz tapak biasanya 22-23 cm pada kedua-dua kaki hadapan dan belakangnya.

Pembiakan Badak Sumatera agak sukar, baik di dalam hutan mahupun di dalam kurungan. Faktor jangka masa bunting badak betina selama 395-400 hari dan mempunyai hanya satu kelahiran anak dalam jangka masa 3-4 tahun (Van Strien, 2005) menyukarkan peningkatan populasi di habitat semula jadi sekiranya populasi sedia ada rendah atau kecil. Selain di habitat semula jadi, pembiakan spesies ini di dalam kurungan juga sukar dilaksanakan. Ini berkaitan faktor sama ada umur, kesuburan dan kesihatan individu yang dipelihara yang menyebabkan kegagalan dalam pembiakan atau kadar kelahirannya sangat rendah.

Badak Sumatera kini merupakan haiwan yang sangat terancam dan di ambang kepupusan di dunia akibat aktiviti pemburuan yang berleluasa (Ellis et al., 2020). Badak Sumatera sering diburu untuk mendapatkan bahagian tubuh badannya terutama sumbu (Dinerstein et al., 2003) yang sangat berharga dan mendapat permintaan tinggi dipasaran disebabkan kepercayaan ianya mempunyai nilai perubatan tradisional (Stevens, 1968) bagi merawat pelbagai penyakit seperti demam panas atau kelemahan tenaga kelakian. Selain pemburuan, kesan Allee juga mempengaruhi kadar pengurangan spesies ini (Payne, 2016). Faktor kemusnahan hutan dan fregmentasi habitat serta populasi Badak Sumatera yang berterusan turut menyumbang kearah kepupusan di kebanyakan wilayah taburannya di Asia Tenggara seperti Vietnam, Kambodia, Laos, Thailand dan termasuk Malaysia.

Badak Sumatera telah disenaraikan sebagai haiwan sangat terancam oleh organisasi antarabangsa iaitu *International Union for Conservation of Nature and Natural Resources* (IUCN) (Van Strien et al., 2008). Ia juga haiwan yang dilarang untuk diperdagangkan mengikut konvensi antarabangsa melalui *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES). Di Semenanjung Malaysia, ia dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. Di Malaysia, pelbagai usaha perlindungan telah dijalankan melalui penguatkuasaan perundangan termasuk menjalankan konservasi secara *in-situ* dan *ex-situ* selain usaha-usaha kesedaran awam bagi menghalang spesies ini daripada mengalami kepupusan.

Badak Sumatera mempunyai sejarah taburannya yang direkodkan bermula dari Timur India dan Bangladesh hingga ke negara-negara di Asia Tenggara bermula dari Myanmar, Laos, Vienam, Thailand, Semenanjung Malaysia, Sumatera hingga ke kepulauan Borneo. Badak Sumatera termasuk dalam senarai spesies yang paling terancam statusnya di dunia. Spesies ini sedang menghampiri kepupusan di dunia setelah kehilangan lebih 90% daripada populasinya di habitat asal. Kini dianggarkan kurang daripada 80 spesies ini sahaja yang tinggal.

2.2 Sejarah Taburan Badak Sumatera di Semenanjung Malaysia

Di Semenanjung Malaysia, rekod penemuan Badak Sumatera banyak dilaporkan seawal 1060an lagi di kawasan Taman Negara dan kemudian meluas di tempat lain, di negeri-negeri Semenanjung Malaysia sehinggalah laporan terakhir mengenai kesan spesies ini ditemui adalah pada tahun 2009 semasa pelaksanaan program inventori hidupan liar di Perak dan semasa program tinjauan Badak Sumatera di Taman Negara pada masa tahun yang sama.

Semenjak kajian terhadap spesies ini dimulakan, bilangan Badak Sumatera di Semenanjung Malaysia sentiasa dianggarkan rendah dan berubah-ubah. Bilangan populasi tertinggi yang pernah dianggarkan adalah sebanyak 77-130 ekor spesies dan

kawasan taburannya tertumpu di kawasan perlindungan dan luar kawasan perlindungan yang terpisah-pisah *'fragmented'* berdasarkan dokumen Pelan Tindakan Badak Sumatera Malaysia (**Rajah 1).** Lebih sepuluh tahun kemudian, anggarannya menurun kepada 69 – 96 ekor merujuk kepada Pelan Tindakan Konservasi Badak Sumatera Semenanjung Malaysia yang dihasilkan pada tahun 2005 oleh Jabatan PERHILITAN dengan taburannya masih berada kekal di kawasan sedia ada dan terdapat di habitat jangkaan di dalam hutan simpan terutama di Perak dan Pahang (**Rajah 2**). Pelan tindakan ini adalah sebahagian daripada Strategi Pemuliharaan Untuk Spesies Badak Asia yang dibentangkan dalam Pelan Tindakan untuk Pemuliharaan Badak Asia oleh *IUCN Species Survival Commission* (Anon 1989) dan Pelan Tindakan Pemuliharaan Badak di Malaysia (Anon 1993). Bilangan dan lokasi taburan Badak Sumatera sejak kira-kira lebih 30 tahun yang lepas seperti yang dilaporkan oleh beberapa pengkaji sebelum ini, dokumen Pelan Tindakan Badak Sumatera (1993) dan Pelan Tindakan Konservasi Badak Sumatera (2005) adalah seperti berikut;

i) Taman Negara

Taman Negara yang merangkumi ketiga-tiga kawasan di sebelah Pahang, Kelantan dan Terengganu dengan keluasan 4343 km persegi adalah kawasan perlindungan terbesar dan pernah dianggap kawasan populasi Badak Sumatera yang berkembang (*viable)* di Semenanjung Malaysia. Taman Negara merupakan 3% dari jumlah kawasan tanah di Semenanjung Malaysia. Secara amnya, 58% adalah dataran rendah, terletak di bawah 300 meter dari aras laut (Mohd, 1989). Hashim (2004) telah menganggarkan terdapat 21-34 ekor Badak Sumatera di kawasan terlindung ini. Di sebelah Taman Negara Pahang, kawasan taburannya termasuk di Ulu Sg Atok, Ulu Sg Sat, Ulu Sg Lotong, Sg Tanum, Ulu Atok, Sg Tahan, Sg Sepia, Sg Keniam dan Sg Relau. Di Taman Negara Terengganu, kawasan taburannya merangkumi Sg Cacing, Ulu Pertang, Ulu Merlimau dan Sg Koh. Manakala di Taman Negara Kelantan, kawasan taburan utamanya terdapat di Sg Aring, Sg Tenor dan Sg Lebir. Kawasan di sepanjang permatang di tanah tinggi yang menjadi sempadan ketiga-tiga Taman Negara ini juga menjadi laluan Badak Sumatera. Populasinya dianggarkan sebanyak

20-36 pada 1993 dan juga pada 2005.

ii) Endau Rompin

Taman Negara Endau Rompin mempunyai populasi yang kedua tinggi selepas Taman Negara iaitu sebanyak 10-15 individu pada 1993 tetapi kemudian dianggarkan hanya tinggal 1-2 individu pada 2005. Kawasan utama yang pernah menjadi kawasan taburannya adalah seperti Sg Endau, Sg Kemidak, Sg Kemapan dan Sg Selai (PERHILITAN, 2000). Aktiviti pemburuan dikatakan penyebab utama populasi ini berkurangan.

iii) Taman Negeri Royal Belum

Taman Negeri Royal Belum (TNRB) yang sebelumnya dikenali sebagai Hutan Simpan Ulu Belum adalah juga kawasan perlindungan yang mempunyai taburan Badak Sumatera yang direkodkan seperti di kawasan yang bersempadan dengan Thailand iaitu sekitar kawasan Gunung Titi Basah. Badak Sumatera juga dilaporkan tedapat di kawasan Sg Merah, Sg Mekar dan Kg Belum Lama. Selain itu kawasan di Sg Tiang pernah dilaporkan terdapat Badak Sumatera oleh penduduk Orang Asli Sg Tiang. Populasi yang dianggarkan adalah sekitar 10 pada 1993 dan 12-13 pada 2005.

iv) Negeri Selangor

Dua kawasan Rezab Hidupan Liar (RHL) yang pernah merekodkan kehadiran Badak Sumatera adalah RHL Krau dan RHL Sg Dusun yang masing-masing merekodkan anggaran sebanyak 1-2 spesies. Namun populasi yang sangat kecil di RHL Kerau tidak lagi dapat dikesan. Individu yang terdapat di RHL Sg Dusun telah pun berjaya ditangkap di dalam operasi tangkapan yang dijalankan pada 1986 di luar kawasan rezab ini dan kemudiannya dipelihara dalam pusat kurungan di dalam rezab ini untuk

tujuan pembiakan.

v) Negeri Johor

Selain kawasan perlindungan iaitu Taman Negeri Endau Rompin, taburan Badak Sumatera juga terdapat di lain-lain kawasan yang terletak di antara Kota Tingi dan Mersing iaitu di Tenggaroh, Tunjuk Laut, Sg Ara dan Gunung Belumut yang direkodkan semasa membuat operasi tangkapan spesies ini sekitar 1980an. Bagaimapun populasinya dianggap pupus setelah kebanyakan habitatnya telah bertukar status menjadi kawasan perladangan.

vi) Negeri Pahang

Kawasan taburan utama Badak Sumatera termasuklah Sg Lepar, Bukit Gebuk, Ulu Atok yang dilaporkan sekitar 1980a dn 1990an. Sekitar tahun 2000 kawasan baru taburan Badak Sumatera direkodkan termasuk; hutan Simpan Chini, (Bukit Betangga) Alam Muda , hutan Simpan Tekam, Hutan Simpan Bekelah, Hutan Simpan Tekai /Tembeling (Gunung Dualing, Mentenang). Alam Muda Ulu Jelai Ulu Kimchin, G Besar, G Pukin, dan Rompin.

vii) Negeri Terengganu

Pada tahun 1990an, kawasan taburan yang dilaporkan adalah Hulu Besut, Hutan Simpan, Jengai (Meserah). Tahun 2000 dan selepasnya ialah di Hutan Simpan Pelagat (Sg Apar), Hutan Simpan Pasir Raja.

viii) Negeri Kelantan

Sebelum tahun 2000, Badak Sumatera di laporkan terdapat di kawasan Sg Depak, Kuala Balah, Hutan Simpan Balah (Gunung Shoid). Selepas tahun 2000 kawasan

taburan dilaporkan di Hutan Simpan Stong, Hutan Simpan Gunung Basor, Hutan SImpan SgPerias, Hutan Simpan Sg Brook, Sg Sok, Sg Terang dan G Chamah.

ix) Negeri Perak

Selain dari TNRB, taburan Badak Sumatera juga direkodkan di kawasan komplek Hutan Bintang Hijau yang membentuk banjaran Titiwangsa. Kawasan di Ulu Selama yang terdapat banyak sira (Sira Rimau, Sira Tahi, Sira Lipan) kerap direkodkan kehadiran Badak Sumatera pada 1990an. Kawasan permatang tanah tinggi seperti di G Titiwangsa, G Inas, G Bintang, G. Bintang Utara, menjadi laluan pergerakan Badak Sumatera dari satu kawasan ke kawasan lain. Kawasan lain seperti Ulu Lawin, Gunung Bintang Utara, Bukit 1556, Ulu Sg Tiang dan Sungai Kenyir dan Ulu Sg Kenarong. Selepas 2000 BukitRamin, Sungai Mendelum, Temengor dan Sg Singor.

x) Negeri Kedah

Kawasan pergunungan sempadan Malaysia-Thailand dikatakan pernah menjadi habitat Badak Sumatera bagaimanapun tiada rekod yang menunjukkannya kecuali di kawasan Hutan Simpan Gunung Inas yang bersambungan dengan Hutan Simpan Bintang Hijau.

Rajah 1: Bilangan dan Taburan Badak Sumatera Di Semenanjung Malaysia 1993

Sumber: *Malaysia: Rhino Conservation Action Plan 1993*



Rajah 2: Kawasan Taburan Badak Sumatera Di Semenanjung Malaysia (2005)



Sumber: *Sumatran Rhinoceros Conservation Action Plan, Peninsular Malaysia (2005)*

2.3 Sejarah Konservasi Badak Sumatera Di Semenanjung Malaysia

2.3.1 Penyelidikan Badak Sumatera (1970-1980)

Di Semenanjung Malaysia sejak penemuan Badak Sumatera mula direkodkan pada tahun 1939 oleh T.R Hubback (Hislop, 1965). Hanya mulai 1960an, barulah beberapa pengkaji menjalankan kajian lapangan mengenai ekologi, pemakanan dan perilaku haiwan ini di habitat semulajadi. Pengkaji luar yang melaporkan status dan taburan Badak Sumatera di Semenanjung Malaysia adalah Milton (1963) dan Hislop, Stevens (1968). Kemudian disambung oleh pengkaji tempatan iaitu Ng Poh Tip (1973), Tajuddin dan Rodney Flynn (1981, 1983, 1984), Khan (1987,1970,1976), Khairiah (1984), Shariff (1984).

Walaupun kajian terawal terhadap Badak Sumatera dilakukan sekitar 1960an oleh pengkaji luar, tetapi status populasi dan taburan Badak Sumatera lebih banyak diperolehi sekitar 1970an dan 1980an oleh pengkaji tempatan. Di antaranya termasuklah kajian ekologi dan lakuan yang dijalankan di Taman Negeri Endau Rompin, kajian taburan Badak Sumatera di Taman Negara dan Penilaian Semula Taburan Badak di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan hasil kajian ini menunjukkan majoriti populasi badak bertaburan dengan bilangan yang habitatnya terpisah dan di luar kawasan bukan perlindungan. Maklumat Badak Sumatera juga dikumpul melalui kerja lapangan oleh pasukan Unit Pemantauan Badak Sumatera yang dijalankan secara berterusan. Berdasarkan kerja lapangan banyak bukti aktiviti pemburuan hidupan liar dan pencerobohan dan gangguan habitat banyak diperolehi.

2.3.2 Program menyelamat (1980-1990)

Berdasarkan status Badak Sumatera yang telah diperolehi melalui kajian yang dijalankan Jabatan PERHILITAN memulakan program tangkapan spesies ini untuk menyelamatkannya daripada ancaman pemburuan dan kehilangan habitat. Tumupan utama adalah Badak Sumatera yang berada di kawasan luar perlindungan yang

mana populasinya tinggal beberapa individu sahaja dan tiada harapan untuk bertahan dalam jangka masa panjang kerana dibimbangi ia terdedah dengan ancaman utama iaitu pemburuan. Beberapa operasi tangkapan telah dijalankan di beberapa negeri yang dikenal pasti mempunyai kawasan taburannya yang terancam di beberapa Hutan Simpan melalui kajian yang dijalankan dan juga yang dilaporkan oleh penduduk tempatan. Kawasan HS Tenggaruh (Johor), HS Raub (Pahang) dan HS Sg karang (Selangor) adalah antara beberapa kawasan tumpuan operasi tangkapan dijalankan. Spesies yang berjaya ditangkap dibawa ke pusat kurungan di Zoo Melaka, Air Kroh. Sepanjang program tangkapan bermula pada 1984 sehingga awal 1990an sebanyak sembilan spesies berjaya ditangkap.

2.3.3 Pembiakan ex-situ (1990-2000)

Spesies pertama seekor betina yang ditangkap dari kawasan Tenggaroh, Johor. Seekor lagi betina kemudian berjaya dari kawasan Raub Pahang. Sebanyak seekor jantan dan tiga betina berjaya ditangkap dari kawasan Sg karang Selangor. Kesemua spesies badak yang ditangkap telah dipelihara di dalam kurungan di Zoo Melaka. Pada 1986 satu kelahiran anak yang pertama berlaku di Zoo Melaka. Pada 1990, operasi pembiakan dipindahkan dari Melaka ke Selangor bertujuan mewujudkan program pengurusan ex-situ dengan konsep *gene pool* di Rezab Hidupan Liar Sungai Dusun. Kelahiran anak badak yang pertama berlaku semasa badak dipelihara di Zoo Melaka pada 1986 seblum dipindahkan ke Komplek baru di Sungai Dusun pada 1991.

2.3.4 Pemantauan, rondaan penguatkuasaan dan tinjauan Badak Sumatera (2000-2010)

Aktiviti pemburuan berdasarkan laporan banyak penemuan jerat dan kesan pencerobohan manjadi ancaman kepada hidupan liar termasuk Badak Sumatera. Nilai dan permintaan yang tinggi di pasaran menyebabkan ancaman terhadap Badak Sumatera semakin meningkat. Program pemantauan melalui rondaan penguatkuasaan di dalam kawasan perlindungan dipertingkatkan. Jabatan

PERHILITAN menubuhkan paasukan *Rhino Patrolling Unit* (RPU) untuk menjalankan tugas pemantauan Badak Sumatera untuk mengumpul maklumat dan memantau Badak Sumatera di habitatnya iaitu di kawasan-kawasan perlindungan dan hutan-hutan simpan utama yang mempunyai populasi badak. Melalui pemantauan ini juga banyak maklumat mengenai gangguan terhadap habitat badak seperti penebangan hutan dan pembalakan berlaku di kawsan habitat Badak Sumatera yang berada di luar kawasan perlindungan. Selain itu program tinjauan Badak Sumatera juga dilakukan di kawasan-kawasan terpilih.

2.3.5 Pelan Tindakan

Pada 1993, Pelan Tindakan Badak Sumatera yang pertama diwujudkan bagi meningkatkan perlindungan ke atas spesies dengan melalui strategi dan tindakan yang digariskan untuk sepuluh tahun kehadapan merangkumi pengurusan in-situ. dan ex-situ di Malaysia (Semenanjung, Sabah dan Sarawak). Pelan ini telah disediakan melalui bengkel dihadiri oleh ahli konservasi Badak Sumatera dari kalangan negara serantau dan antarabangsa. Kerajaan Malaysia melalui Jabatan PERHILITAN turut menerima bantuan dana daripada *Global Environment Facility* (GEF) untuk membiayai program konservasi Badak Sumatera di Malaysia selama lima tahun mulai 1995 sehingga 2000. Bantuan GEF ini bagi mengukuhkan lagi pasukan RPU jabatan. Pada 2005, Jabatan PERHILIATN menilai semula program dan aktiviti konservsi yang dijalankan setelah program pembiakan dihentikan dan kemudian menghasilkan sendiri Pelan Tindakan Konservasi Badak Sumatera melalui Bahagian Konservasi Biodiversiti untuk menjadi panduan kepada kakitangan bagi meningkatkan program konservasi ke atas Badak Sumatera. Bahagian ini juga menyelaras beberapa program seperti pemantauan habitat, tinjauan dan tangkapan Badak Sumatera.

2.3.6 Perundangan

Pada masa lepas Badak Sumatera telah disenaraikan sebagai Hidupan Liar yang diperlindungi sepenuhnya dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar 76 (1972).

Pemburuan terhadap spesies ini adalah dilarang. Akta ini pada 2010 telah digantikan dengan Akta Pemuliharaan hidupan Liar [Akta 716]. Mengikut akta yang baru ini denda maksimum kesalahan melibatkan kes Badak Sumatera telah dinaikkan kepada RM500,000.00 dengan 10 tahun penjara. Denda yang tinggi bertujuan mencegah sebarang aktiviti pemburuan hidupan liar termasuk Badak Sumatera.

2.3.7 Program mengesan dan menyelamat (2005-2010)

Setelah GEF berakhir, tugas pemantauan Badak Sumatera dijalankan melalui program-program lapangan seperti inventori, kajian mamalia besar dan program-program rondaan dan penguatkuasaan. Mulai 2005, Jabatan meningkatkan usaha mengesan badak untuk mengetahui status populasi di kawasan-kawasan taburannya. Sekiranya usaha mengesan ini berjaya, langkah seterusnya adalah membuat tangkapan dan menjalankan semula program pembiakan ke atas Badak Sumatera. Berdasarkan beberapa penemuan kesannya, program tangkapan telah di aktifkan di beberapa kawasan iaitu di Temengor, Perak dan HS Tembat, Terengganu, serta Alam Muda, Pahang. Operasi tangkapan yang dijalankan bagaimanapun tidak berjaya menangkap sebarang spesies Badak Sumatera.

2.4 Program mengesan Badak Sumatera Jangka Panjang (2010-2020)

Pada 2010, jabatan telah mewujudkan 'Task Force' untuk meneruskan semula kerja-kerja mengesan dan kemudian meyelamat sekiranya spesies ini ditemui. Unit Task Force ini mengandungi kakitangan baru seramai 20 orang dari ibu pejabat dan negeri. Kakitangan ini mendapat latihan di dalam bengkel Pengurusan dan Tangkapan Badak Sumatera di Rezab Hidupan Liar Tabin, Sabah dengan kerjasama pihak *Borneo Rhino Allienace* (BORA).

Selama tempoh lima tahun (2010-2015) usaha mengesan dijalankan, masih belum

berjaya mendapat sebarang hasil. Program ini diteruskan lagi untuk tempoh lima tahun berikutnya (2016-2020) dengan tumpuan lebih kepada pencarian di luar kawasan perlindungan. Dalam masa yang sama jika hasil daripada program mengesan ini tidak menemukan sebarang tanda positif, perkara ini akan dijadikan asas untuk pihak jabatan mengistiharkan kepupusan spesies ini di Semenanjung Malaysia.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Mengesan Badak Sumatera di kawasan yang pernah merekodkan taburannya di Semenanjung Malaysia

3.2 Mengesan Badak Sumatera di kawasan-kawasan yang berpotensi menjadi habitat baru.

3.3 Menyediakan satu direktori pelaksanaan survei di kawasan sejarah taburannya bagi dijadikan asas membuat pemakluman mengenai kepupusan

4.0 METODOLOGI

4.1 Penyediaan plot persampelan

Program mengesan dilakukan secara plot persampelan di kawasan habitat Badak Sumatera. Beberapa plot dirangka supaya setiap plot mempunyai anggaran keluasan 5 km x 2 km persegi di atas peta habitat Badak Sumatera. Pemilihan habitat untuk plot persampelan berpandukan (i) *Data Base* Jabatan bagi habitat yang mengandungi maklumat taburan Badak Sumatera yang terdahulu, (ii) Habitat Jangkaan dan iii) habitat yang mempunyai laporan penemuan Badak Sumatera oleh orang awam seperti juru pandu pelawat, penduduk setempat, Orang Asal atau penemuan berdasarkan temubual penduduk.

4.2 Pungutan Data

Di dalam program mengesan ini kombinasi dua kaedah pungutan data digunakan untuk mendapatkan maklumat Badak Sumatera:

i) Merentas '*Trekking*' hutan

Ini merupakan kaedah mengesan konvensional iaitu membuat rentasan hutan dengan berjalan kaki atau '*trekking'* sambil membuat pemerhatian langsung dan tidak langsung kesan kehadiran Badak Sumatera yang dijumpai sepanjang laluan ke lokasi sasaran. Parameter data cerapan kesan kehadiran Badak Sumatera adalah kesan tapak kaki, kesan memakan tumbuhan, kesan penandaan pada tanah dan kesan kubang. Lokasi sasaran telah diplotkan terlebih dahulu ke atas peta topo berpandukan rekod sejarah taburan Badak Sumatera pada program mengesan sebelumnya. Laluan trekking setiap pasukan ke lokasi sasaran dianggap sebagai 'line transect'. Semasa *trekking* dijalankan sebarang cerapan beserta koordinatnya dikunci masuk menggunakan *Global Positioning System* (GPS) bagi memudahkan data yang disimpan dilihat balik. Bersama GPS, borang data cerapan digunakan juga kepada setiap kumpulan untuk membuat cerapan lain seperti aktiviti pencerobohan dan pemburuan yang dijumpai.

ii) Pemasangan perangkap kamera '*Camera trapping'*

Penggunaan perangkap kamera dalam program mengesan bertujuan mendapatkan lebih banyak cerapan terutama di kawasan yang kering dan keras permukaan tanahnya, kawasan tanah tinggi atau kawasan yang jauh terpencil yang tidak dapat dicerap hanya melalui *trekking*. Penggunaan perangkap kamera memerlukan dua kali program *trekking* (pemasangan dan pengambilan). Dua model yang dibekalkan oleh jabatan iaitu *Super scouter* dan *Uway 250B* telah digunakan. Setiap kumpulan dibekalkan 10-12 buah perangkap kamera untuk dipasang di dalam plot persampelan (anggaran 10 km persegi) supaya mendapatkan sasaran keluasan satu perangkap

kamera bagi 1km^{2,}. Pemasangan setiap unit perangkap kamera perlu dibuat di lokasi strategik supaya mendapat cerapan yang optimum (Jambari et al., 2015). Setiap kedudukan perangkap (pada pokok) dilaraskan supaya ketinggian kamera berada satu meter daripada permukaan tanah (bergantung juga kepada keadaan cerun kawasan). Perangkap kamera dipasangkan atau diaktifkan untuk tempoh dalam anggaran tiga bulan (berpandukan kepada *Standard Operating Procedur (SOP)* jabatan.

4.3 Organisasi pasukan

Empat kumpulan dibentuk daripada 20 kakitangan Jabatan PERHILITAN (bergantung juga kepada ketersediaan kakitangan dan keluasan lokasi sasaran). Setiap pasukan mempunyai lima ahli termasuk ketua pasukan. Setiap ahli kumpulan membawa bersama dua perangkap kamera untuk di pasang di lokasi sasaran (plot). Pergerakan kumpulan adalah secara ‘nomad’ bermula dari lokasi ‘drop point’ hingga ke lokasi plot sasaran. Semua pasukan bergerak seawal pagi dan berhenti pada lewat petang untuk bermalam di khemah. Di plot sasaran, tempat perkhemahan menjadi ‘base camp’ kakitangan. Ahli kumpulan berada di base camp menyelesasikan tugas pemasangan/ penarikan perangkap kemera.

4.4 Analisis

a. Perisian ArcGIS untuk koordinat kamera dan laluan survey yang telah dijalankan
b. *Microsoft Excel* bagi mendapatkan keluasan survei dan nilai cerapan hidupan liar.
c. Menggunakan perisian *Microsoft Excel* ke atas cerapan pemerhatian secara langsung untuk mendapatkan nilai *Relative Abundance Index (RAI)* dan *Biodiversity Index* dengan menggunakan kaedah Shannon-wiener dan Simpson.
Nota: Keluasan pengesanan bersamaan dengan keluasan plot kamera yang telah dipasang (1 kamera adalah 1 km persegi).

5.0 HASIL

5.1. Hasil Cerapan dengan kaedah *Trekking*

Berdasarkan hasil cerapan melalui kaedah *trekking* yang diperolehi tidak ada sebarang cerapan hidupan liar bagi Badak Sumatera berbanding hidupan liar yang lain semasa program mengesan dijalankan sepanjang tahun 2010-2015 (**JADUAL 1**) serta sepanjang tahun 2016-2020 (**JADUAL 2**).

5.2. Hasil Cerapan Menggunakan Perangkap Kamera

Hasil cerapan menggunakan perangkap kamera di lokasi-lokasi pemasangan menunjukkan Badak Sumatera adalah satu-satunya spesies yang tidak dicerap imejnya berbanding dengan spesies lain (**JADUAL 3**).

5.3 Pelaksanaan Program Mengesan

Program mengesan yang dijalankan oleh kakitangan Jabatan PERHILITAN dari ibu pejabat dan negeri telah dijalankan di kawasan-kawasan sasaran merangkumi kawasan sejarah taburan yang direkodkan di Semenanjung Malaysia oleh kakitangan terlibat beserta hasil cerapan daripada program mengesan Badak Sumatera sepanjang sepuluh tahun (2010-2020) (**LAMPIRAN 1-151**).

Jadual 1- Hasil Cerapan Mengesan Badak Sumatera Sepanjang Sepuluh Tahun (2010-2015)

Spesies	Tahun																	
	2010			2011			2012			2013			2014			2015		
Nama Tempatan (Nama Saintifik)	Siri 1	Siri 2	Siri 3	Siri 1	Siri 2	Siri 3	Siri 1	Siri 2	Siri 3	Siri 1	Siri 2	Siri 3	Siri 1	Siri 2	Siri 3	Siri 1	Siri 2	Siri 3
Badak Sumatera (*Dicerorhinus sumatrensis*)																		
Gajah (*Elephas maximus*)	✓	✓		✓		✓	✓	✓		✓		✓	✓	✓		✓	✓	
Beruang Matahari (*Helarctos malayanus*)		✓	✓		✓	✓	✓		✓	✓		✓	✓	✓	✓		✓	✓
Harimau Kumbang (*Panthera pardus*)				✓		✓				✓	✓		✓		✓		✓	
Harimau Belang (*Panthera tigris*)	✓		✓	✓	✓			✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓		✓	✓
Seladang (*Bos gaurus*)							✓		✓		✓		✓		✓	✓	✓	
Kijang (*Muntiacus muntjak*)	✓	✓		✓		✓			✓	✓	✓			✓	✓	✓		✓
Rusa Sambar (*Rusa unicolor*)	✓		✓				✓	✓		✓		✓	✓		✓	✓	✓	
Kambing Gurun (*Capriconis sumatraensis*)				✓	✓								✓	✓	✓			
Pelanduk (*Tragulus kanchil*)										✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓
Tapir (*Tapirus indicus*)	✓	✓				✓	✓		✓		✓	✓	✓		✓	✓	✓	
Napuh (*Tragulus napu*)																✓		✓
Babi Hutan (*Sus scrofa*)	✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Tupai Kerawak Hitam (*Ratufa bicolor*)													✓	✓		✓		✓

Jadual 2- Hasil Cerapan Mengesan Badak Sumatera Sepanjang Sepuluh Tahun (2016-2020)

Spesies	Tahun														
	2016			2017			2018			2019			2020		
Nama Tempatan (Nama Saintifik)	Siri 1	Siri 2	Siri 3	Siri 1	Siri 2	Siri 3	Siri 1	Siri 2	Siri 3	Siri 1	Siri 2	Siri 3	Siri 1	Siri 2	Siri 3
Badak Sumatera (*Dicerorhinus sumatrensis*)															
Gajah (*Elephas maximus*)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Beruang Matahari (*Helarctos malayanus*)	✓		✓	✓	✓	✓				✓		✓	✓	✓	✓
Harimau Kumbang (*Panthera pardus*)	✓										✓	✓		✓	
Harimau Belang (*Panthera tigris*)	✓	✓			✓			✓	✓	✓	✓		✓		
Seladang (*Bos gaurus*)	✓	✓	✓					✓	✓				✓	✓	
Kijang (*Muntiacus muntjak*)	✓	✓	✓	✓	✓			✓	✓	✓	✓	✓	✓		✓
Rusa Sambar (*Rusa unicolor*)	✓		✓	✓			✓	✓		✓			✓		✓
Kambing Gurun (*Capriconis sumatraensis*)							✓				✓	✓		✓	
Pelanduk (*Tragulus kanchil*)				✓	✓			✓					✓		✓
Tapir (*Tapirus indicus*)	✓	✓			✓	✓	✓		✓		✓			✓	✓
Napuh (*Tragulus napu*)	✓		✓												
Babi Hutan (*Sus scrofa*)	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓		✓
Tupai Kerawak Hitam (*Ratufa bicolor*)															

JADUAL 3- Hasil Cerapan Imej Perangkap Hidupan Liar

Spesies	Tahun						
	2015	2016		2018		2019	2020
Nama Tempatan (Nama Saintifik)	Siri 1	Siri 1	Siri 2	Siri 1	Siri 2	Siri 1	Siri 1
Badak Sumatera (*Dicerorhinus sumatrensis*)							
Gajah (*Elephas maximus*)	✔	✔	✔	✔		✔	✔
Beruang Matahari (*Helarctos malayanus*)	✔	✔	✔	✔	✔	✔	✔
Harimau Kumbang (*Panthera pardus*)		✔	✔			✔	
Harimau Belang (*Panthera tigris*)		✔	✔				✔
Harimau Dahan (*Neofelis nebulosa*)			✔	✔	✔	✔	
Seladang (*Bos gaurus*)		✔			✔		✔
Kijang (*Muntiacus muntjak*)	✔	✔	✔	✔	✔	✔	✔
Rusa Sambar (*Rusa unicolor*)		✔	✔				✔
Kambing Gurun (*Capriconis sumatraensis*)	✔	✔	✔		✔	✔	
Pelanduk (*Tragulus kanchil*)	✔	✔	✔	✔		✔	✔
Tapir (*Tapirus indicus*)	✔	✔	✔		✔	✔	✔
Kucing Tulap (*Catopuma temminckii*)	✔	✔	✔	✔	✔		✔
Kucing Batu (*Prionailurus bengalensis*)	✔			✔			
Beruk (*Macaca nemestrina*)		✔	✔	✔		✔	✔
Babi Hutan (*Sus scrofa*)	✔	✔	✔	✔	✔	✔	✔
Binturong (*Arctictis binturong*)	✔		✔	✔	✔		✔
Musang Lamri (*Paguma larvata*)	✔			✔		✔	
Kuang Cermin (*Polyplectron inopinatum*)				✔	✔		✔
Mengkira (*Martes flavigula*)	✔	✔	✔	✔		✔	✔
Tenggiling (*Manis javanica*)				✔		✔	

6.0 PERBINCANGAN

6.1 Ketiadaan Cerapan Badak Sumatera

Badak Sumatera gagal dicerap melalui pemerhatian secara tidak langsung sepanjang program mengesan yang telah dijalankan di kawasan sejarah taburannya sepanjang tempoh sepuluh tahun (2010-2020) tersebut tiada mana-mana satu pasukan berjaya merekodkan sebarang cerapan kesan kehadiran Badak Sumatera melalui pemerhatian tidak langsung sama ada tapak kaki, najis, pemakanan atau kubang semasa melaksanakan *trekking* menuju atau berada di lokasi plot persampelan. Jika Badak Sumatera spesies mamalia besar lain yang terdapat di negara ini tidak berjaya dicerap kesannya dan direkodkan maka hal ini memberi petunjuk bahawa spesies Badak Sumatera sudah tidak lagi wujud di hutan atau habitat semula jadi di Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan hasil cerapan imej dalam perangkap kamera, tiada satu pun imej Badak Sumatera yang diperolehi berbanding spesies hidupan liar yang lain. Perkara ini mengesahkan hasil negatif yang ditunjukkan semasa menjalankan *trekking* di kawasan-kawasan tersebut. Hasil cerapan perangkap kamera lebih komprehensif kerana dapat menangkap imej hidupan liar sama ada kecil atau besar berbanding cerapan oleh manusia. Selain itu tempoh pemasangan selama tiga bulan dapat memastikan spesies yang berada di kawasan tersebut atau residen mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk dicerap oleh perangkap kamera. Di kawasan tanah tinggi atau ‘permatang’ peluang mencerap imej hidupan liar oleh perangkap kamera didapati lebih tinggi berbanding pasukan mengesan. Ini disebabkan keadaan tanah yang keras dan ditutupi oleh daun tumbuhan kering menyukarkan kesan tapak kaki haiwan dikesan atau dilihat. Badak Sumatera dewasa mempunyai kawasan wilayah atau ‘home range’ yang luas mencapai sehingga 40 km. Semasa menggunakan permatang ini badak Sumatera akan membuat kubang dan berehat di dalam kubangnya untuk beberapa ketika sebelum meneruskan pergerakannya ke kawasan

lain. Kubang ini tidak lagi aktif tetapi masih dapat diperhatikan walaupun telah berusia puluhan tahun lamanya. Kubang seperti ini walaupun kerap dijumpai tidak boleh digunakan sebagai bukti kehadiran Badak Sumatera di kawasan tersebut. Di kawasan permatang juga sering digunakan oleh penceroboh atau pemburu berdasarkan kesan perkhemahan yang ditinggalkan serta mereka turut dicerap dalam perangkap kamera. Walaupun tidak dapat dibuktikan, namun boleh dipercayai Badak Sumatera menjadi mangsa pemburu yang menceroboh kawasan habitat spesies ini. Badak adalah antara spesies hidupan liar yang menjadi buruan kerana mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran untuk tujuan perubatan tradisional.

Sepanjang tempoh pelaksanaan program mengesan ini juga tiada pasukan yang dapat melihat atau terserempak secara langsung dengan spesies Badak Sumatera. Kejadian melihat secara langsung spesies Badak Sumatera pernah berlaku pada masa lalu sekitar tahun 80an dan 90an. Bagaimanapun perkara tersebut jarang didokumentasikan. Badak Sumatera pernah dilihat di Kuala Tahan dan di Sg Kenyam di Taman Negara. Di tempat lain kakitangan jabatan pernah melihat Badak Sumatera berhampiran kawasan perkhemahan semasa inventori hidupan liar dan semasa pemantauan berkala di kawasan jenut sekitar 1990an di Hutan Simpan Bintang Hijau, Perak.

Bagi pemerhatian tidak langsung ke atas kesan-kesan kehadiran Badak Sumatera di kawasan plot persampelan semasa trekking dilaksanakan menunjukkan tiada sebarang cerapan.

Berdasarkan program mengesan yang telah dijalankan ini, tiada satu pun cerapan imej Badak Sumatera yang diperolehi melalui kaedah ini. Semenjak perangkap kamera diperkenalkan dalam program mengesan hidupan liar oleh jabatan, imej lengkap Badak Sumatera tidak pernah dicerap berbanding dengan imej spesies lain seperti gajah, seladang, rusa, babi dan lain-lain. Jabatan PERHILITAN pernah mendapatkan imej sebahagian kaki belakang yang dikatakan Badak Sumatera melalui perangkap kamera berhampiran di hulu Sg Talang di Hutan Simpan

Temenggor semasa melaksanakan inventori hiudpan liar pada 2008 (PERHILITAN, 2008)

Keseluruhan kawasan sejarah taburan Badak Sumatera di kawasan perlindungan telah dijalankan program mengesan yang bermula pada 2010-2020 kecuali Endau Rompin. Endau Rompin yang kini dikenali sebagai Taman Negara Endau Rompin tidak dimasukkan ke dalam program mengesan ini disebabkan banyak kajian lapangan menggunakan perangkap kamera dijalankan oleh pihak taman negara ini bersama WCS. Taman Negeri Endau Rompin penah menjadi salah satu habitat penting kepada spesies Badak Sumatera. Sekitar 1980an, kawasan ini merekodkan populasi Badak Sumatera kedua tertinggi (10-15 individu) selepas Taman Negara. Bagaimanapun populasi spesies ini telah menurun dan hanya dianggarkan mempunyai 1-2 spesies pada tahun 2005. Sehingga kini tiada tanda positif kewujudan Badak Sumatera yang dilaporkan oleh pihak taman negeri atau pihak WCS. Kawasan perlindungan yang diberikan tumpuan semasa program mengesan ini adalah Taman Negara dan Taman Negeri Royal Belum.

Taman Negara merupakan kawasan habitat Badak Sumatera yang paling utama di Semenanjung Malaysia sebelum ini kerana mempunyai populasi tertinggi yang pernah dilaporkan iaitu sebanyak 20-25 spesies. Namun berdasarkan program mengesan yang telah dijalankan ini tiada satu bukti yang dapat menunjukkan populasi Badak Sumatera masih lagi wujud. Walaupun kesan kubang banyak ditemui tetapi keadaannya yang telah lama ditinggalkan tidak boleh menjadi bukti kehadirannya. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan kegagalan sebarang cerapan spesies ini melalui penggunaan perangkap kamera. Selain itu operasi rondaan dan pemantauan berkala yang dijalankan tidak merekodkan sebarang penemuan kecuali kubang yang lama seperti yang telah disebutkan. Selain program mengesan Badak Sumatera yang dijalankan sepanjang sepuluh tahun ini, program lain turut dijalankan di Taman Negara unit lain dalam jabatan. Operasi ini adalah program kawalan dan rondaan penguatkuasan secara berkala menggunakan pendekatan ‘Smart Patrolling’ yang diperkenalkan pada tahun 2014 untuk menghalang pencerobohan kawasan di Taman

Negara. Semua maklumat hidupan liar dan kesan pencerobohan yang ditemui direkodkan melalui pendekatan ini. Seterusnya adalah program Kajian Harimau Belang Kebangsaan (*National Tiger Survey*) yang dibuat secara besar-besaran diseluruh habitat utama Harimau Belang di Semenanjung Malaysia termasuk Taman Negara bermula tahun 2012 melibatkan penggunaan perangkap kamera. Kedua-dua *Smart Parolling* dan Camera *Trapping* yang dijalankan juga gagal merekodkan sebarang bukti terkini kewujudan Badak Sumatera di Taman Negara.

Taman Negeri Royal Belum (TNRB) adalah kawasan perlindungan yang pernah disenaraikan sebagai salah satu kawasan habitat Badak Sumatera dengan bilangan yang dianggarkan sekitar 10 spesies berdasarkan rekod pada tahun 1993 di Pelan Tindakan Badak Sumatera –Malaysia. Di sebelah utara taman negeri ini bersempadan dengan Santuari Hidupan Liar Hala Bala Thailand terdapat laporan yang belum disahkan penemuan spesies Badak Sumatera di Santuari tersebut. Di sebelah sempadan Malaysia yang pernah dilaporkan penemuan Badak Sumatera adalah sekitar Gunung Titi Basah di sebelah utara TNRB. Walaupun ada pihak (*World Wildlife Fund- Malaysia* (WWF-Malasyia) pernah menjalankan survei hidupan liar yang memberi fokus kepada spesies Badak Sumatera, namun tidak ada penemuan yang dilaporkan pada tahun 2005. Survei yang dijalankan oleh kakitangan Unit Badak Jabatan PERHILITAN di kawasan ini turut mengesahkannya.

